

# Kementerian Pelancongan bawa untung

08 - 6 SEP. 1990

Oleh MAN JA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Rabu — Keputusan kerajaan menubuhkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi mengendalikan kedua-dua bidang itu dua tahun lalu terbukti membebankan kejayaan besar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bukan sahaja menguntungkan di segi kewangan melalui sektor pelancongan, malah meletakkan kebudayaan rakyat pelbagai kaum di negara ini di tempat sewajarnya.

Di segi pelancongan menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Tahun Melawat Malaysia mencapai kejayaan luar biasa dengan pertambahan kedatangan, pelancong sebanyak 63 peratus berbanding matlamat asal hanya 10 peratus.

"Bagi kebudayaan pula, kita tidak lagi melihat acara dan persembahan yang agak begitu amatur. Hari ini persembahan kebudayaan begitu menarik sehingga bukan sahaja kita boleh bangga, malah menarik perhatian pelancong asing.

"Sehubungan itu, saya berpendapat keputusan kerajaan untuk menubuhkan sebuah kementerian khas bagi kebudayaan dan pelancongan adalah keputusan yang amat baik," katanya sewaktu berucap merasmikan Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic) di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebudayaan tidak akan hidup hanya kerana sesuatu masyarakat itu mempunyai kebudayaan atau kerana mereka sayangkan kebudayaan.

Kebudayaan tegas Perdana Menteri, hanya boleh hidup dan berkembang kalau ia dapat menarik perhatian dengan adanya peminat yang sentiasa ingin melihat pelbagai acara dan persembahan kebudayaan.

"Dengan adanya kementerian yang menumpukan perhatian khusus kepada kebuda-

yaan kita dapati bidang ini berkembang maju. Langkah menggabungkan bidang ini dengan pelancongan bertujuan supaya ia dapat diperkenalkan kepada dunia.

"Tidak ada gunanya kita mempunyai kebudayaan yang hanya dikenali oleh kita sahaja, manakala kita sendiri didedahkan dengan kebudayaan asing yang tidak dapat tidak akan mempengaruhi kita sehingga mungkin kita membelakangkan kebudayaan sendiri.

"Sebaliknya, jika kebudayaan kita diperkenalkan kepada dunia luar melalui acara-acara yang diadakan untuk pelancongan, sedikit sebanyak ia dapat menangkis kesan-kesan kebudayaan asing di kalangan kita," katanya.

## Bermakna

Sebelum ini, bidang pelancongan dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, manakala kebudayaan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sehingga rombakan Kabinet dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata keputusan menubuhkan kementerian baru itu bukan bermakna dua menteri berkenaan tidak berminat kepada bidang-bidang itu, tetapi disebabkan bidang tugas kementerian masing-masing amat luas.

"Perkembangan pesat di sektor perdagangan, pembangunan belia dan kemajuan sukan menyebabkannya ke satu tahap yang kementerian terbabit tidak dapat lagi menampung beban untuk mengembangkan kebudayaan dan menggalakkan pelancongan.

"Sebab itu kerajaan membuat keputusan menubuhkan kementerian khusus untuk kebudayaan dan pelancongan. Walaupun kita tidak mahu memasarkan kebudayaan, tanpa tontonan oleh orang ramai dan mereka yang berminat, kebudayaan tidak akan hidup katanya.